

Insan Kamil dalam Novel *Ceritera Hati Ana*

Karya Nur Shamsiah On

BITARA

Volume 7, Issue 1, 2024: 147-155
 © The Author(s) 2024
 e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
 Received: 3 Janaury 2023
 Accepted: 14 January 2024
 Published: 3 Febuary 2024

[Insan Kamil in Novel *Ceritera Hati Ana* by Nur Shamsiah On]

Mohd Shukrey Ahmad^{1*} & Nadiatul Shakinah Abdul Rahman¹

1 Bahagian Kesusastraan, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 11800 Pulau Pinang. E-mail: shukrey.ahmad@usm.my; nadiatulshakinah@usm.my

*Corresponding Author: shukrey.ahmad@usm.my

Abstrak

Makalah ini akan mengenal pasti dan menganalisis aspek Insan Kamil yang terdapat dalam novel kanak-kanak siri *Ana Solehah* yang berjudul *Ceritera Hati Ana*. Pemilihan novel terbitan Ana Muslim Sdn Bhd ini berikutan pencapaian sebagai penerima Anugerah Buku Negara. Novel berjudul *Ceritera Hati Ana* karya Nur Shamsiah On telah dicetak sebanyak enam edisi bermula 2009 sehingga 2015. Golongan kanak-kanak adalah penting untuk diberikan pendidikan berkaitan Insan Kamil yang merujuk kepada peribadi Rasulullah SAW sebagai contoh teladan dalam kehidupan manusia. Penerapan terhadap konsep ini dalam bahan bacaan kanak-kanak seperti novel sangat diperlukan kerana masyarakat masa kini terdedah dengan pelbagai cabaran dan aspek negatif. Hal ini dapat dilihat gejala seperti pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan, fesyen pakaian yang tidak mengikut syarak serta budaya pertuturan yang kasar kini tersebar luas dalam media elektronik dan media sosial seperti televisyen, *Facebook*, *YouTube*, *Twitter*, *Tik Tok*, *Instagram*. Perkara negatif ini mula meresapi cara kehidupan kanak-kanak disebabkan keakraban generasi ini dengan media teknologi yang tidak terkawal. Justeru, bahan bacaan perlu diperbanyak dengan menerapkan konsep-konsep Insan Kamil ini supaya dapat memberikan kefahaman serta contoh yang perlu diikuti oleh kanak-kanak. Penelitian ini akan mengaplikasikan Teori Takmilah iaitu prinsip Kerasulan sebagai Insan Kamil bagi meneliti kewajaran watak dalam karya kanak-kanak tersebut. Hasil perbincangan mendapati bahawa novel ini telah mengangkat prinsip Insan Kamil sebagaimana yang digariskan oleh Teori Takmilah. Novel ini juga berupaya memberikan didikan yang baik kepada pembaca kanak-kanak dan mampu memberikan pengaruh yang positif kepada kanak-kanak. Ibu bapa digalakkan untuk menyediakan bahan bacaan yang baik kepada kanak-kanak demi memastikan perilaku dan pertuturan terjaga.

Kata kunci: Insan Kamil, novel, Ana Muslim, kanak-kanak.

Abstract

This paper will have carried out to identify and analyze aspects of Insan Kamil found in the children's novel Ana Solehah series entitled *Ceritera Hati Ana* published by Ana Muslim Sdn Bhd. This selection of this novel published by Ana Muslim Sdn. Bhd. follow the achievement as a recipient of the National Book Award. The novel entitled *Ceritera Hati Ana* by Nur Shamsiah On was printed in six editions from 2009 to 2015. It is important for children to be given education related to *Insan Kamil* which refer to the personality of the Prophet SAW as a role model in human life. Exposure to this concept in children's reading materials such as novels is indispensable as it is ensured that society is now exposed to various challenges and negative aspects. This can be seen as symptoms such as free association between men and women, fashion of clothing that is not according to Sharia and abusive speech culture are now widespread in electronic media and social media such as television, Facebook, YouTube, Twitter, Tik Tok, Instagram and so on. These negatives begin to permeate the way of life of children due to the closeness of this generation with uncontrollable technological media. Therefore, reading materials

need to be increased by applying the concepts of *Insan Kamil* in order to provide understanding and examples for children to follow. This study will apply the Takmilah Theory which is the principle of the Constituent as a *Insan Kamil* to examine the reasonableness of the character in the child's work. The results of the discussion found that this novel has raised the principle of *Insan Kamil* as outlined by the Takmilah Theory. This novel is also capable of providing good education to child readers and is able to provide positive influence to children. Parents are encouraged to provide good reading materials to children to ensure that behavior and speech are maintained.

Keywords: *Insan Kamil*, novel, Ana Muslim, children.

Cite This Article:

Mohd Shukrey Ahmad & Nadiatul Shakinah Abdul Rahman. (2024). *Insan Kamil dalam Novel Ceritera Hati Ana Karya Nur Shamsiah On* [Insan Kamil in Novel *Ceritera Hati Ana* by Nur Shamsiah On]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 7(1): 132-146.

Pengenalan

Karya kesusasteraan Melayu sememangnya memberikan pendidikan dan nilai teladan kepada pembacanya. Penerapan nasihat melalui pembinaan watak yang menunjukkan peribadi yang mulia pastinya akan menjadi ikutan sehingga mampu membentuk masyarakat yang memiliki sahsiah yang sejajar dengan ajaran agama Islam. Menurut Syakirah Khairudin (2018: 2), karya sastera bukan sahaja menjadi bahan menyampaikan hiburan tetapi juga untuk membentuk sahsiah pembaca. Hal ini menunjukkan bahawa karya sastera khususnya bahan bacaan kanak-kanak sangat penting kerana dapat menarik minat kanak-kanak dengan hiburan serta memberi generasi ini pendidikan yang boleh membentuk akhlak dan keperibadian bagi mendepani cabaran kehidupan semasa.

Ini dapat dibuktikan bahawa genre yang paling diminati oleh pembaca kanak-kanak ialah novel. Menurut Md Sidin dan Azizah (2005:118), bahan bacaan yang popular dan sentiasa dibaca oleh kanak-kanak ialah novel, komik, majalah, akhbar dan buku aktiviti. Perkara ini jelas memperlihatkan bahawa novel merupakan antara genre yang paling diminati untuk dibaca daripada empat genre karya kanak-kanak. Sehubungan itu, penelitian aspek *Insan Kamil* dalam karya novel kanak-kanak memperlihatkan kewajaran dalam menyampaikan pendidikan kepada kanak-kanak. Hal ini kerana golongan ini merupakan generasi penerus masa hadapan bangsa, negara dan agama. Ini penting supaya kanak-kanak dapat dihindari dengan perkara yang tidak sepatutnya ditonton dan ditiru apabila terdedah dengan persekitaran serta tontonan di aplikasi media sosial. Novel kanak-kanak yang mempunyai unsur keagamaan dan watak-watak yang memiliki sahsiah dan akhlak yang selari dengan perintah agama Islam perlu diketengahkan dan disampaikan dalam kehidupan kanak-kanak.

Sehubungan itu, dalam novel kanak-kanak yang berjudul *Ceritera Hati Ana* karya Nur Shamsiah On telah diterbitkan oleh Ana Muslim Sdn Bhd dalam siri Ana Solehah memfokuskan watak kanak-kanak perempuan yang mencantohi akhlak dan keperibadian mulia Rasulullah SAW. Novel ini mengisahkan watak kanak-kanak perempuan berusia 11 tahun bernama Rohana yang berperwatakan baik dan sangat disenangi oleh orang di sekelilingnya. Rohana atau disapa Ana merupakan anak yang kematian bapa kandung dan mempunyai dua orang adik lelaki yang bernama Ibrahim dan Luqman. Mak Timah ialah ibu kepada kanak-

kanak ini telah menghantar mereka untuk tinggal di rumah anak-anak yatim bernama Darul Riayah bertujuan memudahkan mereka untuk bersekolah. Ketika tinggal di sana, Ana dikatakan berteman dengan ramai kanak-kanak lain dan di sini bermula penceritaan tentang kehidupan Ana dan adik-beradiknya.

Sejajar dengan itu, kefahaman tentang pentingnya mencontohi akhlak dan keperibadian Rasulullah SAW adalah selari dengan keperluan menjadi Insan Kamil seperti yang dihujahkan dalam teori Takmilah. Peri pentingnya mengikuti akhlak nabi ini turut dinyatakan dalam al-Quran Surah *Ahzab*, ayat 21 sebagaimana terjemahan berikut “Demi sesungguhnya! Adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaan) Allah dan (balasan baik) pada hari akhirat.” Jelas dapat difahami melalui terjemahan ini bahawa Rasulullah SAW merupakan contoh yang terbaik untuk diikuti kerana setiap akhlak dan keperibadian Baginda merupakan keredaan Allah SWT yang akan membawa umat manusia kepada kebaikan hidup di dunia dan di akhirat. Oleh itu, wajar diterapkan ke dalam bahan bacaan untuk kanak-kanak seperti novel supaya boleh memahami dan menghayati keperibadian dan akhlak Rasullah SAW sehingga terhindar daripada keburukan dan amalan negatif yang melanda masyarakat kini.

Pernyataan Masalah

Masalah sosial yang melanda masyarakat di Malaysia dilihat semakin meruncing apabila generasi muda tanpa segan silu meniru gaya hidup masyarakat Barat yang sangat bertentangan dengan ajaran agama Islam. Gaya berpakaian, pergaulan, pertuturan dan amalan sehari-hari juga dengan mencontohi cara artis Barat serta juga artis dari Korea yang diketahui tidak sejajar amalan sebagai seorang yang beragama Islam dan berbudaya Melayu. Mohammad Shahemy Azmi (2021) telah mengulas pandangan Haslina Muhamad berkaitan generasi muda banyak terdedah dan meminati budaya masyarakat Korea seperti cara berpakaian, gaya hidup, makan dan bahasa. Selain itu, tingkah laku generasi ini juga sudah mengikuti budaya Korea dan boleh dianggap sebagai penjajah minda melalui media arus perdana dan media sosial. Perkara ini sangat membimbangkan kerana amalan masyarakat tempatan semakin dilupakan.

Selain itu, kanak-kanak juga terdedah dengan amalan tersebut disebabkan melihat perlakuan yang ditunjukkan oleh golongan remaja serta ditonton melalui saluran televisyen serta media sosial seperti *Facebook*, *YouTube*, *Twitter*, *Tik Tok* dan *Instagram*. Menurut Muhammad Hafizi Zamri dan Mohd Hafiz Zulfakar (2023), kanak-kanak akan terdedah kepada saluran atau tontonan yang tidak sesuai dengan kategori umur apabila menonton siaran video menerusi aplikasi *YouTube*. Ketiadaan pemantauan daripada orang dewasa akan menyebabkan kanak-kanak memilih saluran yang mengandungi unsur-unsur keganasan dan seksual. Tambahan pula, kanak-kanak yang terdedah kepada saluran yang tidak sihat ini akan mudah terpengaruh dengan perlakuan, percakapan dan berkemungkinan akan meniru atau mengajuk perbuatan jelek yang telah ditonton.

Justeru, perkara ini sangat penting diberikan perhatian oleh ibu bapa dan masyarakat bahawa budaya mencontohi artis yang tidak mengikuti tatacara hidup yang dituntut dalam syarak akan menyebabkan keruntuhan akhlak keluarga. Hal ini wajar ditangani dengan serius agar kehidupan masyarakat sentiasa berpaksikan kepada agama Islam yang sebenar. Sejajar

dengan itu, agama Islam mempunyai contoh teladan yang mulia dan wajib diikuti oleh semua lapisan masyarakat iaitu Baginda Rasulullah SAW.

Objektif

Sehubungan itu, makalah ini akan memfokuskan kepada dua objektif iaitu mengenal pasti aspek Insan Kamil yang terkandung dalam novel *Ana Muslim* dan yang kedua ialah menganalisis aspek Insan Kamil yang terkandung dalam novel *Ana Muslim* berdasarkan perspektif Teori Takmilah.

Metodologi

Teori Takmilah merupakan satu teori yang bersifat holistik, bermaksud saling berkaitan antara satu dengan yang lain iaitu berkaitan dengan hubungan manusia. Teori ini melihat pengkarya dan khalayak melalui hasil karyanya dengan ketuhanan, kenabian dan keilmuan. Justeru itu, teori ini telah menggariskan tujuh prinsip yang mendasari aspek-aspek teori:

1. Prinsip ketuhanan yang bersifat *Kamal* (sempurna).
2. Prinsip kerasulan sebagai insan *Kamil* (sempurna).
3. Prinsip keislaman yang bersifat *Akmal* (sempurna).
4. Prinsip ilmu dengan sastera yang bersifat *Takamul* (menyempurnakan).
5. Prinsip sastera sendiri yang berciri estetik dan bersifat *Takmilah* (sempurna dan menyempurnakan).
6. Prinsip pada pengkarya yang seharusnya mengistikamalkan diri (menyempurnakan).
7. Prinsip khalayak bertujuan memupuk mereka ke arah insan *Kamil* (sempurna).

Prinsip teori Takmilah ini jelas dapat dilihat daripada segi falsafah Islam yang mempunyai talian dengan tauhid kerana ketujuh-tujuh prinsipnya menggariskan hubungan manusia dengan Allah SWT (*habl min Allah*) yang bersifat *vertical* dan hubungan manusia dengan alam (*habl min al-Nas*) bersifat *horizontal*. Berdasarkan pegangan dan ilmu Islam sebagai *ad-Din*, teori Takmilah mengarahkan kepada kesempurnaan hidup. Justeru, teori ini menjelaskan hubungan pengkarya-karya-khalayak selari dengan pengkajian karya sastera yang berunsurkan Islam. Walau bagaimanapun, perbezaan sebutan istilah iaitu *Kamal*, *Kamil*, *Akmal*, *Takamul*, *Takmilah* dan *Istikamal* namun kesemuanya membawa untuk mencapai kesempurnaan dan berfungsi setiap satunya.

Sehubungan itu, penelitian ini hanya akan menggunakan prinsip kedua yang terdapat dalam teori Takmilah iaitu prinsip Kerasulan sebagai Insan Kamil (sempurna) dalam menganalisis novel *Ceritara Hati Ana* bagi melihat peranan watak yang dicontohi selari dengan keperibadian Baginda Rasulullah SAW. Justeru, penerapan sebahagian prinsip teori Takmilah sahaja dibolehkan kerana tujuan dilakukan penulisan tersebut adalah untuk mencapai tauhid dan mengesakan Allah SWT. Perkara ini ditekankan oleh pengasas teori Takmilah iaitu Shafie Abu Bakar sendiri dalam seminar *Hari Bersama Tokoh Sastera Islam* yang bertajuk "Takmilah Kini" pada 1 Jun 2015 di Dewan Kuliah 3B Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi iaitu


prinsip dalam teori Takmilah boleh digunakan secara berasingan jika tulisan tersebut menepati kehendak Tauhid. Hal ini jelas memperlihatkan bahawa penerapan satu prinsip sahaja dalam kajian ini wajar dan dapat dilakukan sebagaimana yang dinyatakan oleh pengasasnya.

Oleh itu, akan diterangkan berkaitan prinsip kedua dalam teori Takmilah iaitu prinsip ini mengemukakan hubungan teori dengan Rasul sebagai Insan Kamil. Pemilikan sifat “Kamil” yang ada pada diri Rasulullah SAW itu mempunyai pertalian dengan istilah sifat “Kamal” Allah S.W.T sebagai Yang Maha Sempurna. Penyerahan sifat Kamil yang dipadukan pada Rasulullah SAW sebagai insan Kamil adalah untuk membuktikan kewujudan manusia dengan sebaik-baik kejadian yang seterusnya mempunyai pemimpin yang dapat melaksanakan perintah-Nya. Berdasarkan sifat Kamil Rasulullah sebagai insan di muka bumi ini, manusia mempunyai suri teladan dalam merealisasikan kehidupan dengan lebih baik lagi. Justeru, dalam falsafah Islam, terdapat tiga konsep ideal keinsanan, iaitu insan Kamil, insan Khalifah dan insan Rabbani.

Ketiga-tiganya ini merupakan tahap kedudukan manusia di muka bumi dalam menyempurnakan perintah Allah SWT dan hukum yang telah digariskan al-Quran dan Hadis. Insan Khalifah merujuk kepada kemampuan manusia menjadi pemimpin di muka bumi Allah apabila mencukupi syarat dan keperluan sebagai seorang khalifah seperti berilmu dan peribadi yang tinggi dalam mencorakkan tamadun dan peradaban insan. Hal ini, terungkap dalam Surah *al-Baqarah* ayat 30, Surah *al-An'am* ayat 165 dan Surah *al-Naml* ayat 62. Manakala insan Rabbani merujuk pengabadian diri dan rohani manusia kepada Allah S.W.T dengan khusyuk dan dengan ini mampu menyerahkan kualiti manusia sebagai insan berwibawa dan cemerlang yang dapat mengangkat Islam di muka bumi.

Insan Kamil adalah gabungan antara Insan Khalifah dan Insan Rabbani kerana Insan Kamil berupaya menampilkan kemurnian akhlak dan merupakan kemuncak tahap kedudukan manusia di atas muka bumi. Hal ini bertepatan sekali dengan sifat Rasulullah SAW yang merupakan contoh yang paling ideal dengan gelaran “al-Amin” (yang jujur dan benar), “al-Mustafa” (yang terpilih) dan “al-Habib” (kekasih Allah) (2003: 117-118). Keadaan ini diperhatikan melalui kemampuannya sebagai seorang pemimpin dan panglima perang malahan baginda juga seorang yang taat pada perintah Allah SWT yang termaktub dalam al-Quran antaranya Surah *al-Maidah* ayat 92, Surah *al-Nisa* ayat 170 Surah *al-Fath* ayat 28 dan Surah *al-Saff* ayat 9.

Sehubungan itu, dalam konteks sastera “takmilah” keinsanan berperanan meningkatkan keinsanan manusia daripada Insan Khalifah kepada Insan Rabbani seterusnya kepada Insan Kamil yang memenuhi ciri-ciri Teori Takmilah dan akan menjadikan sastera lebih *ahsan* (seindah-indah)nya bagi kedua-dua insan (Khalifah dan Rabbani) untuk mencapai Insan Kamil yang dimiliki oleh Rasulullah sebagai suri teladan dalam Islam. Maka, ideal keinsanan Kamil yang mempunyai hubungan dengan Insan Rabbani dan Insan Khalifah dan dapat dilihat dalam Rajah 2:

**Rajah 2:** Ideal Keinsanan Kamil

(Sumber: Shafie Abu Bakar, "Takmilah: Teori, Falsafah dan Prinsip" dlm. *Teori Sastera dan Budaya Dalam Kajian Akademik*, 1997, hlm. 133)

Analisis Dan Perbincangan

Makalah ini akan meneliti novel kanak-kanak *Ceritera Hati Ana* karya Nur Shahsiah On berdasarkan perspektif teori Takmilah daripada tiga konsep akhlak Rasulullah SAW iaitu Insan Kamil, Insan Khalifah dan Insan Rabbani. Justeru, Insan Kamil pula merupakan gabungan antara Insan Khalifah dan Insan Rabbani kerana Insan Kamil berupaya menampilkan kemurnian akhlak dan merupakan kemuncak tahap kedudukan manusia di atas muka bumi. Melalui novel ini dapat dilihat beberapa contoh yang menunjukkan pembinaan watak utama iaitu Ana dengan mencontohi akhlak dan keperibadian Rasulullah SAW. Perkara ini dapat dilihat melalui petikan di bawah:

Ana yang sedang asyik dibuai mimpi terus terjaga apabila mendengar suara ibunya.

"Ya, ibu!" balas Ana pendek.

Melihat Ana sudah terjaga, Mak Timah terus beredar keluar. Ana menggeliat sebentar di atas katilnya. Kemudian dia duduk lantas membaca doa bangun dari tidur. Jauh di sudut hati, dia bersyukur kepada Allah SWT kerana diberi peluang bernafas untuk sekalian kalinya. Amalan membaca doa sebelum dan selepas bangun dari tidur sudah menjadi sebahagian daripada rutin harian Ana. Amalan ini telah dilatih oleh arwah ayahnya sejak kecil lagi.

"Ana, kejutkan juga adik-adik ya!" arah Ma Timah dari dapur.

"Baik, Ibu!" jawab Ana.

Perlahan ibu jari kaki Ibrahim ditarik.

"Im, bangun. Hari dan subuh" Ana berkata. Kemudian Ana beralih ke tempat

tidur Luqman. Tubuh Luqman yang kecil itu digerakkan.

"Man, bangun dik!"

(*Ceritara Hati Ana*, 2015: 7-8)

Perkara ini jelas difahami bahawa watak Ana yang berusaha bangun seawal pagi untuk menunaikan ibadah iaitu solat subuh. Ana tidak membantah apabila ibunya, Mak Timah menyuruhnya bangun dan seketika itu dia juga telah berdoa dan mensyukuri nikmat Allah SWT yang masih membenarkan dia hidup. Selain itu, Ana juga telah mengejutkan adik-adiknya daripada tidur supaya turut sama-sama menunaikan solat subuh. Hal ini jelas selari dengan kehendak dalam prinsip kedua dalam teori Takmilah iaitu insan Rabbani apabila watak Ana ini berusaha menjadi seorang hamba yang taat dengan perintah Allah SWT. Watak Ana dengan seikhlas hati bangun untuk melaksanakan ibadah menunjukkan kecintaannya kepada ajaran Islam. Oleh itu, watak Ana juga menjadi insan Khalifah apabila melakukan tanggungjawabnya sebagai kakak kepada dua orang adik-beradiknya. Ana bertanggungjawab memimpin adik-adiknya supaya sentiasa mentaati perintah Allah SWT. Jelaslah bahawa gabungan perilaku insan Rabbani dan insan Khalifah dalam watak Ana menjadikan dirinya sebagai insan Kamil sebagaimana keperibadian dan akhlak Rasulullah SAW. Selain itu, perkara ini dapat juga dijelaskan melalui petikan di bawah iaitu:

"Alamak, Kak Ana... Asrama kitakan jauh lagi. Lagipun, Im dan penat ini," keluh Ibrahim sambil mengelap peluhnya.

"Hish... Kenapalah nasib kit aini asyik malang sahaja?"

"Im! Kenapa Im bercakap begitu?. Sebelum ini bukan ke kita berjalan kaki pergi dan balik sekolah?" Ana memarahi adiknya.

"Inilah yan dipanggil dugaan. Allah SWT hendak menguji sama ada kita mempunyai sifat sabar atau tidak."

(*Ceritara Hati Ana*, 2015: 51-52)

Digambarkan watak Ana dalam petikan tersebut telah menasihati adiknya supaya sentiasa bersyukur dengan setiap ujian-Nya. Perkara ini sangat jelas menunjukkan Ana mempunyai ciri-ciri insan Rabbani apabila menasihati adiknya Ibrahim supaya tidak bersangka buruk dengan ujian yang diberikan oleh Allah SWT. Ana juga meneladani adiknya dengan keperibadian insan Khalifah apabila tidak membiarkan adiknya leka dan alpa apabila menerima ujian Allah SWT. Jelaslah bahawa gabungan perilaku insan Rabbani dan insan Khalifah dalam watak Ana menjadikan dirinya sebagai insan Kamil sebagaimana keperibadian dan akhlak Rasulullah SAW. Selain itu, perkara ini dapat juga dijelaskan melalui petikan di bawah iaitu:

Saya rindukan kanak saya kerana saya amat rapat dengannya. Pada waktu inilah saya perlukan kasih sayang daripada papa dan mama. Tetapi sekarang, saya rasa begitu sunyi sekali," ujar Sofia.

Ana segera memeluk Sofia. Erat

"Sabarlah, Sofia. Allah SWT sebenarnya amat sayangkan kakak awak. Yang sudah pergi itu, biarlah pergi. Kita yang hidup didunia ini perlu teruskan kehidupan.

(*Ceritara Hati Ana*, 2015: 98)

Justeru, dapat dikesan juga dalam petikan di atas yang memperlihatkan watak Ana yang menjunjung insan Rabbani dalam kehidupannya apabila turut mengingatkan rakannya iaitu Sofia supaya sentiasa sabar dengan ujian Allah SWT. Ana mengingatkan Sofia bahawa kakaknya amat disayangi Allah SWT dan telah menjemputnya terlebih dahulu untuk menemui-Nya. Perbuatan Ana ini juga menunjukkan keperibadian insan Khalifah dalam dirinya apabila mengingatkan Sofia supaya meneruskan kehidupannya di dunia sebagai seorang pemimpin dan sentiasa sabar serta tidak terlalu merasa sedih dan kecewa dengan takdir yang telah ditentukan kepada dirinya. Jelaslah bahawa gabungan perilaku insan Rabbani dan insan Khalifah dalam watak Ana menjadikan dirinya sebagai insan Kamil sebagaimana keperibadian dan akhlak Rasulullah SAW.

Kesimpulan

Sehubungan itu, jelaslah bahawa novel kanak-kanak berjudul *Ceritera Hati Ana* terbitan Ana Muslim Sdn Bhd sememang mempunyai aspek Insan Kamil sebagai mana yang dinyatakan dalam teori Takmilah. Hal ini wajar dijadikan contoh teladan kepada pembaca khusus kanak-kanak supaya mereka memahami dan menyedari peri pentingnya mengikuti keperibadian dan akhlak yang ditunjukkan oleh Baginda Rasulullah SAW. Penerapan prinsip kedua dalam teori Takmilah ini juga jelas menunjukkan bahawa kefahaman terhadap konsep Insan Kamil yang merujuk kepada keperibadian Rasulullah SAW ini sememangnya perlu diterapkan dalam setiap karya kesusastraan kanak-kanak supaya dapat menangani gejala negatif yang saban hari meresap dalam kehidupan masyarakat di negara ini.

Rujukan

- Az-Zikir Terjemahan al-Hidayah al-Quran al-Karim (Rasm Uthmani) dalam Bahasa Melayu. 2012. Selangor: Al-Hidayah House of Quran Sdn Bhd.
<https://www.bharian.com.my/rencana/lain-lain/2023/09/1151647/taasub-internet-jejaskemahiran-komunikasi-psikomotor-kanak-kanak>.
- <https://www.kosmo.com.my/2021/08/31/minda-orang-muda-dijajah-budaya-asing/>
- Kamariah Kamarudin. 2010. *Takmilah dalam novel Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Md Sidin Ahmad Ishak. 2005. *Perkembangan sastera kanak-kanak di Malaysia buku Melayu mencari nafas baru*. Shah Alam: Cerdik Publications Sdn Bhd.
- Mohammad Shahemy Azmi. 2021. Minda orang muda "Dijajah" budaya asing. *Kosmo*. 31 Ogos 2021. Diakses pada 4 Disember 2023

- Mohd Shukrey Ahmad dan Kamariah Kamarudin, 2018. *Nilai Islam dalam Komik Majalah Dewan Pelajar*. Jurnal Melayu. Bil 17 (1). hlm 49-73.
- Muhammad Hafizi Zamri dan Mohd Hafiz Zulfakar. 2023. Taasub internet jejas kemahiran komunikasi, psikomotor kanak-kanak. *BH Online*. 12 September 2023. Diaksess pada 4 Disember 2023
- Nur Shahsiah On. 2015. *Ceritera Hati Ana*. Kuala Lumpur: Ana Muslim Sdn Bhd.
- Shafie Abu Bakar, 2014. *Gagasan Pesurat Pelengkap Takmilah: Bangi Makmal Menyerlah dlm Teori Takmilah Perluasan dan Penafsiran*. Tanjung Malim: Persatuan Penulis Budiaman Malaysia.
- Shafie Abu Bakar, 2014. *Perluasan Teori Takmilah*. dlm Teori Takmilah Perluasan dan Penafsiran. Tanjung Malim: Persatuan Penulis Budiaman Malaysia.
- Shafie Abu Bakar. 1996. *Takmilah: Teori, falsafah dan prinsip*. Dewan Sastera, November. hlm 25-33.
- Siti Faridah Liong, 2019. *Ciri-ciri Insan Kamil dalam Teks Sulalatus Salatin Berdasarkan Teori Takmilah*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Syakira Kharudin. 2018. *Sastera sumber pengajaran*. Dewan Pelajar. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syarifah Salha Syed Ahmad, Mohd Rosli Saludin, Adenan Ayob. *Aplikasi Teori Takmilah Dalam Fara'id Alfawa'id Al-Fikra Fi Al-Imam Al-Mahdi: Satu Analisis Kepimpinan Islam*. Journal of Islamic, Social, Economics, and Development. Volume 4. Issue 17. hlm 20-30.